



Ringkasan Eksekutif



PLANMalaysia
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning - Beyond Conventional



D R A F
RANCANGAN STRUKTUR LABUAN 2040

Disediakan Untuk:




Perbadanan Labuan,
Wisma Perbadanan Labuan,
Peti Surat 81245,
87022 Wilayah Persekutuan Labuan

Disediakan Oleh:

PLANMalaysia
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
Bahagian Rancangan Pembangunan,
Pejabat Projek Zon Tengah,
Blok F5, Kompleks F, Persint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62675, Putrajaya, Malaysia.



Rancangan Struktur Labuan 2040 (RSL 2040)

merupakan dokumen perancangan di peringkat negeri yang memandu dan mengawal selia pembangunan fizikal seluruh WP Labuan sehingga tahun 2040. Penyediaan RSL 2040 adalah selaras dengan peruntukan **Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976), Subseksyen 8(1) dan 12(1).**

Dokumen Pembangunan Labuan



Keperluan Penyediaan RS Labuan 2040

A

Repositioning WP Labuan Dalam Konteks Wilayah

Ekonomi WP Labuan berkembang dengan menjadi hab perkhidmatan sokongan industri minyak dan gas, perbankan dan pelaburan antarabangsa membuka pekerjaan sehingga menyebabkan kadar migrasi masuk yang tinggi di WP Labuan.



B

Keperluan bagi Penyediaan Dokumen Perancangan Yang Diwartakan



Penyediaan RS Labuan 2040 yang diwartakan adalah diperlukan bagi memandu pembangunan Labuan yang lebih strategik selaras dengan pemakaian Perintah Wilayah Persekutuan (Pemerluasan dan Ubahsuaian Akta Perancangan Bandar dan Desa, Akta 172, 1976) yang dikuatkuasa pada 1hb Januari 2011.


C

Kepelbagaian Pembangunan Ekonomi WP Labuan

Penekanan terhadap sektor ekonomi lain seperti perniagaan dan perkhidmatan perlu diberi perhatian bagi meningkatkan aktiviti komersial dan kualiti perkhidmatan. Aktiviti perniagaan khususnya di Bandar Labuan dan lain-lain pusat petempatan, perlu dijanakan semula bagi memenuhi permintaan semasa di samping memberi sokongan kepada pembangunan industri, pelancongan, pendidikan dan logistik.




Proses Penyediaan RS Labuan 2040



Kandungan RS Labuan 2040



Kawasan Keseluruhan 68,892.37 hek.



58,924.51 hek.
(85.53%)

A Kawasan perairan
termasuk rizab akuakultur



9,967.86 hek.
(14.47%)

B Kawasan tanah
berhakmilik
(Daratan &
Badan Air)
termasuk Pulau
Labuan dan 6
Pulau Sekitar

PULAU KURAMAN
171.00 Hektar
(1.71 km²)

PULAU RUSUKAN BESAR
14.90 Hektar
(0.149 km²)

PULAU RUSUKAN KECIL
4.80 Hektar
(0.048 km²)

PULAU BURONG
3.80 Hektar
(0.038 km²)

Rizab
Akuakultur

PULAU LABUAN
9,490.36 Hektar
(94.90 km²)

PULAU PAPAN
11.00 Hektar
(0.011 km²)


PULAU DAAT
272.00 Hektar
(2.72 km²)

SABAH


Teluk Brunei

Nota: Kawasan perairan (58,924.51 hektar) adalah termasuk rizab akuakultur seluas 138.70 hektar.


Profil Umum WP Labuan



Penduduk Mengikut Kumpulan Umur, 2020



Penduduk Mengikut Jantina Umur, 2020



Jumlah Tenaga Kerja Labuan (2020)




1 Bandar Wilayah
Bandar Labuan

4 Bandar Tempatan

- Simpang Tamu
- Ganggarak
- Layang-layangan
- Bebuloh

KDNK WP Labuan Mengikut Sektor Ekonomi (2020)



Pertanian
RM 115 juta (**1.52%**)



Pembuatan
RM 1,368 juta (**18.02%**)



Pembinaan
RM 163 juta (**2.15%**)



Perkhidmatan
RM 5,903 juta (**77.77%**)



Duti Impot
RM 41 juta (**0.54%**)



KDNK Per Kapita (2020)
RM79,794



Purata Saiz Isi Rumah
3.97



KPPT (2015-2020)
4.8%



27 Kampung



2 KAWASAN INDUSTRI UTAMA (Rancha-Rancha dan Kiamsam)




Stok Unit Rumah Terancang (2020)
12,705

Potensi dan Cabaran

Potensi


01

Lokasi Strategik di Wilayah dan Koridor Pembangunan



02

Zon Promosi Pembangunan



03

Aset Sumber Semulajadi



Cabaran

1

Bilangan penduduk yang rendah

2

Jumlah isi rumah miskin yang tinggi

3

Kemudahan sampaian melalui udara yang rendah

4

Persaingan dalam konteks wilayah dan negeri berjiran

5

Pergantungan utiliti dan bekalan asas dari sumber luar yang tinggi

6

Kurang promosi bagi menarik masuk pelabur, pelancong ke Labuan

7


Isu peruntukan pembangunan dan pengurusan tahunan yang rendah

Konsep Pembangunan WP Labuan 2040

Konsep pembangunan WP Labuan dibentuk untuk memastikan pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan penduduk secara berterusan dapat dicapai. **Konsep Pembangunan Optimum** (*Optimization Development Concept*) mengambil kira penggunaan tanah dan aktiviti pembangunan secara menyeluruh, mampan tanpa menjejaskan keunikan sumber semula jadi sedia ada di WP Labuan.

Secara umumnya, konsep ini membahagikan WP Labuan kepada dua (2) zon pembangunan iaitu **Zon Pembangunan Ekonomi Primer** dan **Zon Pembangunan Ekonomi Sekunder**.

Zon Pembangunan Ekonomi Primer Dan Sekunder




ZON PEMBANGUNAN EKONOMI SEKUNDER

- Bahagian utara
- Kawas sokongan pembangunan
- Keutamaan kepada pemeliharaan kawas pertanian, penempatan desa, tumpuan kawas pelancongan pantai dan warisan serta kediaman.
- Empat (4) pulau yang berada di sekitar Labuan (Pulau Burong, Pulau Rusukan Kecil, Pulau Rusukan Besar dan Pulau Kuraman)

ZON PEMBANGUNAN EKONOMI PRIMER

- Bahagian selatan
- Kawas tumpuan pembangunan ekonomi yang utama
- Kawas perindustrian, pelabuhan, pusat perniagaan dan perkhidmatan serta pentadbiran utama WP Labuan
- Dua (2) pulau - Pulau Daat dan Pulau Papan

Konsep Pembangunan Optimum Labuan 2040



Gambar Rajah Utama

RANCANGAN STRUKTUR LABUAN 2040

2.57% Perumahan
1,769.34 hek.

2.57% Komersial
209.96 hek.

0.86% Industri
595.06 hek.

0.92% Kemudahan Masyarakat
631.35 hek.

0.18% Tanah Lapang & Rekreasi
120.67 hek.

0.18% Infrastruktur & Utiliti
126.62 hek.

1.21% Pengangkutan
851.35 hek.

TEPUBINA
4,284.35 hek. **6.22%**


0.22% Pertanian
154.54 hek.

86.27% Badan Air
59,432.71 hek.

1.05% Industri
723.80 hek.

5.87% Tanah Kosong
4,042.81 hek.

BUKAN TEPUBINA
64, 608.02 hek. **93.78%**




WAWASAN

LABUAN SEJAHTERA, MAMPAN DAN PINTAR

Halatuju pembangunan masa hadapan Labuan adalah berteraskan 5 tonggak pembangunan (tema pembangunan) yang menekankan kepada aspek pemerkasaan ekonomi, pembangunan mampan, kesejahteraan masyarakat, mempertingkatkan kualiti infrastruktur dan utiliti serta memantapkan tadbir urus.

	 Pemeriksaan Ekonomi	 Kemampanan Pembangunan	 Kesejahteraan Masyarakat	 Prasarana Makmur	 Pemantapan Tadbir Urus
	 Kerjasama Wilayah dan Negeri berjiran	 Pembangunan selaras dengan Rancangan Struktur Labuan 2040	 Perumahan Madani	 Infrastruktur dan Utiliti (air, elektrik dan jalur lebar)	 Reformasi tadbir urus
	 Hub aktiviti pelabuhan, Free Trade Zone (FTZ) serta perkhidmatan penyelenggaraan, pembaikan dan baikpulih kapal	 Pembangunan Bandar Berdaya Huni, Mampan dan Pintar	 Peningkatan kualiti kawasan lapang dan rekreasi (perlu diwartakan)	 Pelabuhan	 Pengukuhan perjawatan agensi-agensi pelaksana
	 Penerokaan aktiviti industri minyak dan gas laut dalam	 Pembangunan Brownfield / Infill	 Kemudahan pendidikan dan kesihatan swasta	 Terminal Feri	 RS Labuan 2040 sebagai dokumen rujukan utama
	 Usahawan dan Pemiagaan Kecil	 Kawasan pembangunan baharu	 Meningkatkan kemiskinan	 Jambatan Labuan – Sabah	 Pemberian insentif/keistimewaan untuk Labuan
Dasar	4	7	4	3	4
Strategi	13	11	12	13	7
Inisiatif Pembangunan	47	46	50	64	32
		22 DASAR	56 STRATEGI	239 INISIATIF PELAKSANAAN	

Rancangan Struktur (RS) Labuan 2040 mengandungi 22 dasar dan diperincikan oleh 56 strategi dan 239 inisiatif pelaksanaan. Rumusan dasar, strategi dan inisiatif pelaksanaan mengikut tonggak pembangunan di dalam **RS Labuan 2040** adalah seperti berikut :





TONGGAK PEMBANGUNAN 1 PEMERKASAAN EKONOMI

RSWL | 2 Strategi
PE1 | 8 Inisiatif Pelaksanaan

PEMERKASAAN HUBUNGAN KERJASAMA WILAYAH DAN NEGERI BERJIRAN

Strategi PE1-S1

Penguatan Peranan
WP Labuan Secara
Langsung dan Lebih
Aktif Dalam Rangka
Pembangunan Borneo
dan Wilayah BIMP-
EAGA

Strategi PE1-S2

WP Labuan Sebagai
Gerbang (Gateway)
Wilayah melalui
Penguatan Hubungan
Fizikal, Sosid dan Ekonomi
Wilayah BIMP-EAGA dan
Negeri Berjiran


Inisiatif Pelaksanaan

- ✓ WP Labuan dimasukkan sebahagian perancangan koridor/wilayah.
- ✓ Kerjasama bersama Jawatankuasa BIMP-EAGA dalam perdagangan, pelaburan, pelancongan dan pembangunan bandar pintar.
- ✓ Mewujudkan platform bagi membincangkan kepentingan bersama di antara negeri berjiran.

(PE1-S1)

- ✓ WP Labuan sebagai pusat persidangan ekonomi.
- ✓ Peluang latihan berkaitan kepakaran profesional.
- ✓ Kekerapan perkhidmatan RO-RO
- ✓ Kecekapan perkhidmatan infrastruktur pengangkutan
- ✓ Wujud pemiagaan bersifat *barter trade*.

(PE1-S2)



PENGUKUHAN ASAS EKONOMI WP LABUAN AGAR LEBIH BERDAYA SAING DAN BERDAYA TAHAN

Strategi PE2-S1

Pembangunan WP Labuan sebagai
Hab bagi Aktiviti-Aktiviti Berkaitan
Pelabuhan

Strategi PE2-S2

Pulau Labuan Sebagai Pusat
Penyelenggaraan dan Baik Pulih
Kapal serta Aktiviti Yang Berkaitan
Dengannya

Strategi PE2-S3

WP Labuan sebagai Hab Minyak
dan Gas Laut Dalam

Strategi PE2-S4

Aktiviti Berasaskan Perikanan
Diperkasakan sebagai Sumber
Ekonomi Baharu

Hab Pelabuhan



TONGGAK PEMBANGUNAN 1 PEMERKASAAN EKONOMI

Inisiatif Pelaksanaan

- ✓ Pelabuhan dan Kawasan Perindustrian bersepadu di Rantau-Rantau untuk menyokong Labuan sebagai pusat pelabuhan *entrepot*.
- ✓ Insentif bagi menggalakkan aktiviti perindustrian yang menyokong operasi pelabuhan bersepadu.
- ✓ Pelabuhan sedia ada sebagai *Harbour Terminal*.

(PE2-S1)

- ✓ Kemudahan dan khidmat sokongan yang menyokong aktiviti perkhidmatan penyelenggaraan dan baik pulih kapal.
- ✓ Insentif dalam aktiviti penyelenggaraan dan pembaikan kapal

(PE2-S2)


- ✓ Perkhidmatan bersepadu yang lengkap operasi di persisiran pantai dan luar persisiran.
- ✓ Penawaran insentif bagi menarik masuk pemain industri berkaitan minyak dan gas di samping mengekalkan pemain industri sedia ada.
- ✓ Pengecualian cukai bagi barang/peralatan industri minyak dan gas.

(PE2-S3)

- ✓ Kerjasama bersama pengusaha laut dalam (dalam dan luar negeri).
- ✓ Mengurus permohonan lesen *vessel* laut dalam yang perlu dibuat melalui Negeri Sabah.
- ✓ Penggunaan teknologi moden berasaskan IR 4.0.
- ✓ Meningkatkan penyediaan kemudahan infrastruktur pendaratan ikan.
- ✓ Menarik lebih banyak pelaburan dalam industri hiliran berasaskan perikanan (produk surimi, produk ikan bilis, tuna dan makanan sejuk beku).
- ✓ Lebih ramai tenaga kerja perikanan laut dalam.

(PE2-S4)

Perikanan Laut Dalam



PENGUKUHAN ASAS EKONOMI WP LABUAN AGAR LEBIH BERDAYA SAING DAN BERDAYA TAHAN

Strategi PE2-S5

Status WP Labuan sebagai Pulau Bebas Cukai Dimanfaatkan Sepenuhnya

Strategi PE2-S6

Peranan Labuan Diperkukuhkan sebagai Pusat Perdagangan dan Kewangan Antarabangsa

Strategi PE2-S7

Transformasi Industri Pelancongan Berasaskan Prinsip Perkongsian Ekonomi (*Sharing Economy*)

Strategi PE2-S8

Industri Pelancongan Diperkukuhkan dan Dipertingkatkan dengan Sokongan Kemudahan yang Bersepadu dan Aktiviti Pelancongan yang Lebih Berinovasi

Strategi PE2-S9

Asas Ekonomi Labuan Dipelbagaikan dan Diperluaskan

Big Show Labuan



Sukan Powerboat

Perkhidmatan Logistik



TONGGAK PEMBANGUNAN 1 PEMERKASAAN EKONOMI

Inisiatif Pelaksanaan

- ✓ Penawaran kepelbagaian produk bebas cukai.
- ✓ Penyebaran maklumat (percukaian dan pemiagaan bebas cukai).
- ✓ Pemantauan dan penguatkuasaan barangan bebas cukai.

(PE2-S5)

- ✓ Memperluaskan potensi sektor kewangan (Labuan IBFC) - Syarikat amanah (*trust*), kewangan inovatif, *Digital Financial Services (DFS)*, kewangan Islam, perdagangan komoditi, pasaran modal, pengurusan kekayaan dan lain-lain.
- ✓ Insentif baru (pelabur & pemain industri & pekerja profesional)

(PE2-S6)

- ✓ Labuan Geopark sebagai 'Destinasi Pelancongan Eko-Warisan' bertaraf antarabangsa.
- ✓ Produk sinergi pelancongan berasaskan komuniti (CBT).
- ✓ Mewujudkan Taman Keluaran Barangan Berjenama berkonsepkan *Factory Outlet Village*.
- ✓ Geran insentif micro-credit pelancongan.
- ✓ Kerjasama dengan pengusaha pelancongan Sabah, Sarawak dan negara serantau.

(PE2-S7)

- ✓ *Signature Event* serta menjadikan WP Labuan sebagai destinasi pilihan *Hallmark Event* peringkat Antarabangsa.
- ✓ Pelancongan berasaskan hiburan dan tarikan.
- ✓ Tagline *Pearl of Borneo: Where Business and Leisure Meets*.
- ✓ Pakej dan trail pelancongan yang lebih berintegrasi.
- ✓ Kemudahan penginapan berkualiti tinggi.
- ✓ Konsep *Smart Tourism* dalam menaik taraf kemudahan sokongan dan *enabler* pelancongan.
- ✓ Kursus peningkatan *capacity building* usahawan pelancongan.

(PE2-S8)

- ✓ Aktiviti industri hiliran minyak dan gas terutama produk hiliran metanol.
- ✓ Perkhidmatan logistik ke peringkat wilayah dan antarabangsa (pembesaran pelabuhan dan lapangan terbang Labuan).
- ✓ Pelaburan sektor pendidikan dan kesihatan.

(PE2-S9)

TONGGAK PEMBANGUNAN 1 PEMERKASAAN EKONOMI

RSWL | 1 Strategi
PE3 | 2 Inisiatif Pelaksanaan

PEWUJUDAN KAWASAN PEMBANGUNAN BAHARU YANG BERDAYA SAING DAN BERDAYA LAKSANA

Strategi
PE3-S1

Kawasan Pembangunan Baharu yang Terancang, Moden dan Dilengkapi dengan Kemudahan Infrastruktur yang Efisien akan Diwujudkan



Inisiatif Pelaksanaan

- ✓ Mengenal pasti kawasan yang berpotensi untuk penambakan bagi menyediakan kawasan pembangunan baharu yang dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur.
- ✓ Menawarkan insentif yang khusus bagi kawasan pembangunan baharu.

(PE3-S1)

RSWL | 1 Strategi
PE4 | 3 Inisiatif Pelaksanaan

PENGUKUHAN SEKTOR PERNIAGAAN DAN PERKHIDMATAN KEKAL DINAMIK DAN BERDAYA SAING

Strategi
PE4-S1

Aktiviti-Aktiviti Perniagaan dan Perkhidmatan Diperkukuhkan Selaras dengan Hierarki Bandar Tempatan

Inisiatif Pelaksanaan

- ✓ Pembangunan perniagaan dan perkhidmatan secara terancang di pusat petempatan sedia ada.
- ✓ Aktiviti perniagaan informal yang terancang.
- ✓ Penyediaan unit perdagangan berkonsepkan perkongsian kemudahan.

(PE4-S1)





TONGGAK PEMBANGUNAN 2

KEMAMPAHAN PEMBANGUNAN

RSWL | 1 Strategi
KP1 | 5 Inisiatif Pelaksanaan

PERANCANGAN GUNA TANAH WP LABUAN KE ARAH MEWUJUDKAN GUNA TANAH YANG SEIMBANG DAN SECARA OPTIMUM

Strategi
KP1-S1

Memastikan Pengurusan Guna Tanah Mampan bagi Mengimbangi Pembangunan Perbandaran, Pemeliharaan Alam Sekitar dan Pengurusan Sumber Semula Jadi

RSWL | 4 Strategi
KP2 | 15 Inisiatif Pelaksanaan

PEMBANGUNAN PERBANDARAN WP LABUAN BERKONSEPKAN BANDAR YANG BERDAYA HUNI DAN MAMPAN

Strategi
KP2-S1

Fungsi Bandar Diperkukuhkan Mengikut Hierarki Petempatan yang Dikenal Pasti

Strategi
KP2-S2

Penggunaan Tanah Kawasan Bandar Dioptimumkan bagi Pembangunan Perbandaran yang Ekonomik dan Berdaya Huni

Strategi
KP2-S3

Pewujudan Bandar yang Berdaya Huni Melalui Persekitaran Bandar yang Kondusif, *Vibrant* dan Aktif

Inisiatif Pelaksanaan

- ✓ Mengutamakan pembangunan guna tanah di zon pembangunan ekonomi primer.
- ✓ Guna tanah di zon pembangunan ekonomi sekunder secara terkawal
- ✓ Pembangunan semula atau penggunaan semula bangunan / tanah.
- ✓ Kerjasama antara agensi dan pemilik tanah.
- ✓ Galakkan pembangunan bersepadu.

(KP1-S1)

- ✓ Persempadanan semula kawasan bandar.
- ✓ Perkukuh peranan Bandar Labuan sebagai Bandar Wilayah.
- ✓ Menaik taraf Bandar Ganggarak, Bandar Layang-layangan dan Bandar Bebuloh.

(KP2-S1)

- ✓ Penyusunan semula bandar melalui pelan tindakan dan pelan pengurusan.
- ✓ Penjanaan semula kawasan bandar melalui perancangan bersama pihak swasta dan komuniti.
- ✓ Pembangunan semula bangunan terbiar dan usang.
- ✓ Naik taraf kualiti persekitaran kawasan ruang awam dan lorong belakang kedai.
- ✓ Galakkan pembangunan semula di sepanjang kawasan pinggir air pusat Bandar Labuan.

(KP2-S2)


- ✓ Bandar Pintar (Smart City), Bandar Selamat (*Safe City*), Bandar Rendah Karbon.
- ✓ Tambah baik konsep Bandar Selamat (*Safe City*) dan *Crime Prevention through Environmental Design (CPTED)*.
- ✓ Konsep radius Kejiranan 20 Minit.
- ✓ Aktiviti berbasikal, berjalan kaki dan kenderaan mikromobiliti.
- ✓ Konsep *Low Carbon Cities* dalam perancangan dan pembangunan WP Labuan melalui penyediaan *Low Carbon Cities Blueprint*.
- ✓ Reka bentuk sejagat dan bebas halangan bagi kemudahan OKU, kanak-kanak, wanita dan warga emas.
- ✓ Keberkesanan sistem infrastruktur dan amalan teknologi hijau.

(KP2-S3)

TONGGAK PEMBANGUNAN 2

KEMAMPAHAN PEMBANGUNAN

Pelan Hierarki Bandar



FOKUS PERKHIDMATAN

BANDAR WILAYAH

Bandar Labuan (Bandar Labuan – Simpang Tamu)

- Pusat Pentadbiran;
- Pusat Perkhidmatan Sosial (Wilayah);
- Pusat Ekonomi (Kewangan dan Perbankan, Pemiagaan dan Perdagangan Perindustrian, Minyak dan Gas);
- Pusat Perhubungan dan Logistik.

BANDAR TEMPATAN

Bandar	Fokus Perkhidmatan
Ganggarak	- Pusat Perkhidmatan Sosial (Tempatan) - Pusat Pemiagaan dan Perdagangan (Tempatan)
Layang-Layangan	- Pusat Perkhidmatan Sosial (Tempatan) - Pusat Pemiagaan dan Perdagangan (Tempatan) - Pusat Pelancongan dan Rekreasi
Bebuloh	- Pusat Perkhidmatan Sosial (Tempatan) - Pusat Ekonomi (Pemiagaan dan Perdagangan, Hab Perikanan) - Hab Pendidikan

Nota : Sempadan Bandar Tempatan diperincikan di peringkat Rancangan Tempatan

TONGGAK PEMBANGUNAN 2 KEMAMPAHAN PEMBANGUNAN

RSWL | 1 Strategi
KP3 | 3 Inisiatif Pelaksanaan

PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN ASET WARISAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Strategi
KP3-S1

Usaha Pemeliharaan Sumber
Warisan, Tapak dan Bangunan
Bersejarah yang Bernilai serta
Berpotensi Tinggi akan
Dipertingkatkan

RSWL | 2 Strategi
KP4 | 9 Inisiatif Pelaksanaan

PENGUKUHAN SEKTOR PERTANIAN BAGI MENJAMIN BEKALAN MAKANAN MENCUKUPI, SELAMAT DAN BERDAYA TAHAN

Strategi
KP4-S1

Hasil Pengeluaran Pertanian
Dipertingkatkan Secara Komersial
dan Ekonomik

Strategi
KP4-S2

Industri Rantaian Bernilai Tinggi
Berasaskan Pertanian dan
Perikanan Dibangunkan untuk
Meningkatkan Sumber Ekonomi WP
Labuan

Inisiatif Pelaksanaan

- ✓ Mewartakan aset warisan sedia ada dan baru.
- ✓ RKK Pemeliharaan Kawasan Warisan Tanjung Kubong.
- ✓ Mekanisma pengurusan sumber warisan dan pendidikan awam.

(KP3-S1)

- ✓ Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM).
- ✓ Usahasama dengan ladang-ladang dari negeri berjiran.
- ✓ Zon Industri Akuakultur (ZIA) dan penternakan ruminan serta unggas.
- ✓ Penggunaan teknologi baru dalam aktiviti penternakan haiwan.
- ✓ Tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan secara komersial.
- ✓ Pembangunan tanah terbiar.
- ✓ Menaiktaraf jeti pendaratan ikan sedia ada dengan pelbagai kemudahan.

(KP4-S1)

- ✓ Pusat pengumpulan serta pengedaran hasil pertanian bagi tujuan import dan eksport (proses, pembungkusan, pemasaran).
- ✓ Tawaran inisiatif bagi menarik minat syarikat pelabur.

(KP4-S2)

Menara Chimney, Tg. Kubong



Tanaman Sayur Secara Hidroponik



TONGGAK PEMBANGUNAN 2 KEMAMPAHAN PEMBANGUNAN

RSWL | 1 Strategi
KP5 | 2 Inisiatif Pelaksanaan

PENGURUSAN SUMBER SEMULA JADI YANG EFISIEN UNTUK MEWUJUDKAN ALAM SEKITAR YANG TERPELIHARA

Strategi
KP5-S1

Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) perlu Dipelihara dan Dipelihara serta Diintegrasikan dalam Perancangan Guna Tanah

RSWL | 1 Strategi
KP6 | 4 Inisiatif Pelaksanaan

PENGURUSAN KUALITI ALAM SEKITAR YANG BERTERUSAN UNTUK PERSEKITARAN MAMPAN

Strategi
KP6-S1

Mekanisma Pengurusan dan Pemantauan Kualiti Alam Sekitar akan Dipertingkatkan

RSWL | 2 Strategi
KP7 | 8 Inisiatif Pelaksanaan

PENGURUSAN RISIKO BENCANA YANG EFEKTIF BAGI MENJAMIN KESELAMATAN DAN KESEJAHTERAAN PENDUDUK

Strategi
KP7-S1

Mengurus Kawasan Berisiko Bencana dengan Mekanisme Pengurusan dan Sistem Amaran Bencana yang Menyeluruh.

Strategi
KP7-S2

Pengurusan Pantai WP Labuan Yang Berdaya Tahan, Bersih dan Selamat

Inisiatif Pelaksanaan

- ✓ Mewartakan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) tanah milik kerajaan.
- ✓ Pelan pengurusan bersepadu KSAS. (KP5-S1)
- ✓ Memperluaskan penyediaan stesen kualiti air (sungai dan marin) dan udara.
- ✓ Jawatankuasa Khas Pemantauan Kualiti Alam Sekitar.
- ✓ Menaiktaraf sistem pemantauan kualiti air (sungai dan marin) dan udara.
- ✓ Program alam sekitar dengan penglibatan komuniti. (KP6-S1)
- ✓ Pelan Pengurusan Risiko Bencana WP Labuan
- ✓ Unit pengurusan bencana / kecemasan WP Labuan dan diintegrasikan dengan penggunaan teknologi *Internet Of Things* (IoT), *Labuan Urban Observatory* (LUO). (KP7-S1)
- ✓ Aktiviti pembangunan di zon persisiran pantai selaras dengan RFZPPN Ke-2
- ✓ Pelan Pengurusan Persisiran Pantai (*Integrated Shoreline Management Plan, ISMP*) bagi WP Labuan
- ✓ Pengurusan dan kawalan hakisan pantai, penambakan dan tebus guna tanah di persisiran pantai
- ✓ Pulih kawasan pesisir pantai.
- ✓ Pengekalan dan penggantian pantai awam.
- ✓ Kawal selia aktiviti pembangunan, penambakan dan tebus guna tanah. (KP7-S2)


Persisiran Pantai Batu Manikar



TONGGAK PEMBANGUNAN 2

KEMAMPAHAN PEMBANGUNAN

Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Bersepadu WP Labuan



Petunjuk:

Kawasan KSAS

Kawasan KSAS Tahap 2

1. Empangan
 - 1a. Empangan Bukit Kuda
 - 1b. Empangan Sg. Pagar
 - 1c. Empangan Kerupang
2. Hutan Simpan
Hutan Bakau Kinabenuwa
3. Hutan Paya Laut
Hutan Bakau Sungai Ganggarak
4. TP Sisa Pepejal Kg Bukit Kallam
5. Tapak Warisan Geologi

Kawasan KSAS Tahap 3

6. Hakisan Pantai (60m) - Sg Pagar/Sg Miri
7. Lembangan Sungai (termasuk Rizab 60m)
 - 7a. Sg. Kinabenuwa
 - 7b. Sg. Ganggarak
 - 7c. Sg. Gersik
8. Pulau & Taman Laut
 - 8a. Pulau Kuraman
 - 8b. Pulau Rusukan Besar
 - 8c. Pulau Rusukan Kecil
 - 8d. Pulau Papan
 - 8e. Pulau Burong
9. Tanah Tinggi
 - 9a. Bukit Kallam
 - 9b. Bukit Kubong



TONGGAK PEMBANGUNAN 3 KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

RSWL | 1 Strategi
KM1 | 11 Inisiatif Pelaksanaan

PENINGKATAN KUALITI HIDUP DAN KESEJAHTERAAN PENDUDUK WP LABUAN

Strategi
KM1-S1

Taraf Sosio-ekonomi Isi Rumah
akan Dipertingkatkan Melalui
Pelbagai Program Pembangunan
Kesejahteraan di WP Labuan

RSWL | 1 Strategi
KM2 | 10 Inisiatif Pelaksanaan

PEMERKASAAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN YANG INKLUSIF

Strategi
KM2-S1

Modal Insan yang Berpendidikan,
Berpengetahuan dan
Berkemahiran Dipertingkatkan
Seiring dengan Keperluan Industri



Inisiatif Pelaksanaan

- ✓ Mempelbagaikan sumber pendapatan melalui program latihan keusahawanan dan kemahiran.
- ✓ Penyertaan tenaga kerja di kalangan penduduk kumpulan umur bekerja (15-64 tahun).
- ✓ Meningkatkan program pembasmian kemiskinan ke atas isi rumah sedia ada.
- ✓ Penyertaan sektor swasta dalam program pembasmian kemiskinan.
- ✓ Peluang pekerjaan dan pemiagaan sesuai dengan permintaan.
- ✓ Menarik kemasukan lebih banyak pelabu dalam sektor ekonomi
- ✓ Menarik lebih ramai usahawan IKS Tempatan.
- ✓ Meningkatkan penyertaan kaum wanita dalam pasaran tenaga buruh.
- ✓ Menyediakan peluang sistem sara diri secara komersial.
- ✓ Pelaksanaan program pepadanan pekerjaan.
- ✓ Galakkan majikan untuk program bekerja dari rumah.

(KM1-S1)

- ✓ Institusi pendidikan tinggi dan institusi latihan kemahiran - penyaluran bidang pendidikan, kemahiran vokasional dan teknikal (TVET).
- ✓ Semua peringkat umur mempunyai akses pendidikan formal.
- ✓ Badan penyelaras dan organisasi bagi penyediaan bank data berkaitan kelayakan dan pencapaian akademik serta kemahiran.
- ✓ Wujud pangkalan data guna tenaga.
- ✓ Insentif khusus bagi menarik kemasukan pekerja
- ✓ Menyokong aktiviti pembangunan masa hadapan.
- ✓ Program kolaborasi dan ruang kerjasama antara institusi pendidikan dan teknikal.
- ✓ Program *upgrading* dan *upskilling* tenaga kerja.
- ✓ Galakkan latihan dalam bekerja dan latihan intensif dikendalikan oleh sektor awam.
- ✓ Insentif untuk menarik golongan profesional bekerja.

(KM2-S1)

TONGGAK PEMBANGUNAN 3 KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

RSWL
KM3 | 3 Strategi
9 Inisiatif Pelaksanaan

PENYEDIAAN PERUMAHAN YANG KONDUSIF DAN MAMPU MILIK

Strategi
KM3-S1

Pembangunan Perumahan akan
Dirancang Mengikut Keperluan dan
Permintaan Penduduk WP Labuan

Strategi
KM3-S2

Pembangunan Perumahan Tidak
Terancang Akan Dikawal Selia dan
Dinaik Taraf Bagi Mewujudkan
Persekitaran Kondusif

Strategi
KM3-S3

Pembangunan Semula Kawasan
Penempatan Pelarian dan Pengawasan
Penempatan Tidak Sah /

Inisiatif Pelaksanaan

- ✓ Unit / badan yang mengurus permohonan rumah rakyat, mengawal selia harga rumah mampu milik dan menentukan kuota penyediaan rumah mampu milik.
- ✓ Menyediakan perumahan berkonsepkan *Council Home* dan mampu milik (sewa dan sewa beli) selaras dengan pendapatan isi rumah.
- ✓ Pembangunan perumahan dilengkapi dengan infrastruktur dan kemudahan komuniti.
- ✓ Perumahan bagi tujuan pemilikan dan sewa bagi golongan pekerja.

(KM3-S1)

- ✓ Had pembinaan perumahan atas air (kawasan diwarta).
- ✓ Mengawal selia pembinaan rumah kampung.
- ✓ Menaik taraf Infrastruktur dan kemudahan sokongan.

(KM3-S2)


- ✓ Pembangunan semula kawasan penempatan pelarian.
- ✓ Penguatkuasaan bagi membasmi penempatan tidak sah / setinggan.

(KM3-S3)

Perumahan Terancang Taman Mutiara,
Kampung Sungai Bedaun.



Perumahan Ganggarak Permai



Rumah Kampung Atas Air (Kampung
Bebuloh Laut)



TONGGAK PEMBANGUNAN 3 KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

RSWL | 7 Strategi
KM4 | 20 Inisiatif Pelaksanaan

PENYEDIAAN KEMUDAHAN MASYARAKAT DAN REKREASI YANG MENCUKUPI SERTA BERKUALITI

Strategi
KM4-S1

Sektor Pendidikan
Diperkuatkan Melalui
Penawaran Kemudahan
Pendidikan dan Latihan yang
Pelbagai

Strategi
KM4-S2

Kemudahan Kesihatan yang
Lengkap, Berkualiti dan Bertaraf
Antarabangsa Disediakan
Berdasarkan Permintaan

Strategi
KM4-S3

Kemudahan Rumah Ibadat
Digalakkan untuk Dipeluaskan
Kegunaannya Mengikut
Kesesuaian Setempat

Strategi
KM4-S4

Penyediaan Kemudahan
Kebajikan yang Berkualiti
kepada Kumpulan Sasar untuk
Meningkatkan Kualiti Hidup

Strategi
KM4-S5

Fasiliti Keselamatan akan
Dipertingkatkan dan Disediakan
Selaras Dengan Pertambahan
Penduduk

Strategi
KM4-S6

Kawasan Lapang dan Rekreasi
Baru akan Dikenal Pasti dan
Diwartakan

Strategi
KM4-S7

Kawasan Landskap dan
Rekreasi Sedia Ada dan Baru
akan Dinaik Taraf dan
Diselenggara bagi Menyokong
Hasrat Menjadikan Labuan
sebagai *Smart Garden Island*

Inisiatif Pelaksanaan

- ✓ Pembukaan sekolah, institusi pengajian tinggi swasta dan pusat latihan swasta
- ✓ Institusi berasaskan Teknik dan Vokasional (TVET)
- ✓ Pusat latihan (pembangunan bidang sukan air)
- ✓ Menaik taraf Kampus Cawangan UMS sebagai sebuah kampus universiti yang lengkap dengan penawaran kursus-kursus yang dapat menyokong sektor ekonomi di WP Labuan.
- ✓ Sekolah Integrasi Rendah Agama JAWI (SIRAJ).
- ✓ Pembukaan institusi pengajaran di pusat-pusat petempatan utama. (KM4-S1)
- ✓ Pakar perubatan dan mempertingkatkan fasiliti kesihatan.
- ✓ Pusat perubatan swasta.
- ✓ Kemudahan pusat kesihatan dan gaya hidup (*wellness & lifestyle*). (KM4-S2)
- ✓ Kemudahan rumah ibadat diperluaskan kegunaannya mengikut kesesuaian setempat. (KM4-S3)
- ✓ Kemudahan golongan keperluan khas, warga emas dan Orang Kelainan Upaya (OKU).
- ✓ Perkampungan persaraan (*Retirement Village*). (KM4-S4)
- ✓ Menaik taraf fungsi balai polis daerah kepada ibu pejabat polis daerah.
- ✓ Fasiliti keselamatan selaras dengan teknologi terkini. (KM4-S5)
- ✓ Kawasan lapang yang berpusat dan berfungsi.
- ✓ Penyerahan dan pewartaan kawasan lapang dan rekreasi sedia ada dan baru. (KM4-S6)
- ✓ Menaik taraf dan menyelenggara Taman Botanical WP Labuan dan Kompleks Sukan Labuan selaras dengan fungsinya sebagai taman bandar.
- ✓ Penyelenggara fasiliti taman-taman awam dan kawasan rekreasi secara berkala.
- ✓ Kajian Semula Pelan Induk Landskap (PIL) WP Labuan.
- ✓ Pelaksanaan Perintah Pemeliharaan Pokok (TPO) bagi pengekalan pokok-pokok yang unik di samping mengekalkan/mewujudkan *Landscape Character* bagi kawasan sekitar WP Labuan. (KM4-S7)



TONGGAK PEMBANGUNAN 4 PRASARANA MAKMUR

RSWL PM1 | 6 Strategi
33 Inisiatif Pelaksanaan

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR YANG DINAMIK, EFISIEN DAN SEJAHTERA

Strategi PM1-S1 Pengeluaran Air Yang Optimum Dipertingkatkan Sejalan Dengan Aspirasi Pembangunan WP Labuan

Strategi PM1-S2 Sumber Bekalan Elektrik di WP Labuan Diperkukuhkan Melalui Inisiatif Yang Berdaya Laksana dan Mesra Ekonomi

Strategi PM1-S3 Infrastruktur Telekomunikasi (Landskap Digital) Disediakan Secara Terancang di WP Labuan

Inisiatif Pelaksanaan

- ✓ Program penggantian paip usang bagi mengurangkan air tidak terhasil (NRW).
- ✓ Menaiktaraf Loji Rawatan Air (LRA).
- ✓ Mengkaji Kebolehlaksanaan Empangan Persisir Pantai Sg Ganggarak dan loji rawatan air baru.
- ✓ Projek Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS).
- ✓ Konsep pulih guna semula air kumbahan.
- ✓ Sistem pengumpulan dan penggunaan semula air hujan.
- ✓ Keperluan air bersih yang mencukupi.
- ✓ Penyediaan tangki air di kawasan penempatan penduduk, pusat komersial, institusi awam, kawasan perindustrian dan pulau-pulau.
- ✓ Kajian kebolehlaksanaan penswastan bekalan air WP Labuan.
- ✓ Smart Water Meter.


(PM1-S1)

- ✓ Menaiktaraf dan menyelenggara sistem jana kuasa dan sistem pengagihan elektrik.
- ✓ Penyediaan Kajian Kebolehlaksanaan Bagi Pembinaan Janakuasa Baru di WP Labuan.
- ✓ Penggunaan tenaga solar.
- ✓ Program Pemeteran Tenaga Bersih (*Net Energy Metering - NEM*)
- ✓ Pemasangan *Electricity Smart Metering*.
- ✓ Galakkan pengaplikasian *Low Carbon Cities Framework (LCCF)* bagi pembangunan baharu di WP Labuan.

(PM1-S2)

- ✓ Pelaksanaan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA)
- ✓ Pemasangan rangkaian gentian optik penuh (*Full Fibreisation*).
- ✓ Penambahan *access point* infrastruktur *hotspot wifi*.
- ✓ Kerjasama strategik (*Smart Partnership*) antara pemaju dan pemberi rangkaian kemudahan (*Network Facilities Provider - NFP*).

(PM1-S3)



RSWL
PM1

6 Strategi
33 Inisiatif Pelaksanaan

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR YANG DINAMIK, EFISIEN DAN SEJAHTERA

Strategi
PM1-S4

Pelan Induk Saliran Dan Tebatan Banjir Disediakan Bagi Meningkatkan Sistem Pengurusan Saliran di WP Labuan

Strategi
PM1-S5

Pelupusan Sisa Dinaik Taraf Melalui Kaedah Mesra Alam dan Berteknologi Tinggi di WP Labuan

Strategi
PM1-S6

Sistem Pembetungan Disediakan Secara Berpusat dan Berteknologi Tinggi di WP Labuan



TONGGAK PEMBANGUNAN 4 PRASARANA MAKMUR

Inisiatif Pelaksanaan

- ✓ Mengguna Pakai Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) yang disediakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam perancangan pembangunan WP Labuan.
- ✓ Projek Rancangan Tebatan Banjir WP Labuan.
- ✓ Penyediaan rumah pam di pintu air.
- ✓ Melaksanakan kajian pengurusan lembangan sungai bersepadu (IRBM).

(PM1-S4)

- ✓ Pembukaan sel baru di tapak pelupusan sanitari sedia ada di WP Labuan.
- ✓ Konsep *Circular Economy* dalam pengurusan sisa.
- ✓ Prosedur penutupan selamat sel tapak pelupusan sisa pepejal yang telah penuh.

(PM1-S5)

- ✓ Pelan induk pembetungan WP Labuan
- ✓ Sistem pembetungan berpusat (Loji Kumbahan Serantau jenis mekanikal)
- ✓ Rasionalisasi loji olahan separa kepada loji olahan mekanikal.
- ✓ Pembetungan bersambung melalui Pelan Rejuvenasi kampung atas air
- ✓ Mengguna pakai tangki septik mengikut spesifikasi kelulusan SPAN di kawasan pulau-pulau WP Labuan.
- ✓ Guna pakai tangki septik mengikut kelulusan SPAN.

(PM1-S6)

Tapak Pelupusan Sanitari Bukit Kalam, WP Labuan



TONGGAK PEMBANGUNAN 4 PRASARANA MAKMUR

RSWL PM2 | 6 Strategi
26 Inisiatif Pelaksanaan

PENGUKUHAN DAN INTEGRASI RANGKAIAN PERHUBUNGAN DARAT, UDARA DAN AIR

Strategi PM2-S1

Pembinaan Jambatan Labuan – Sabah Bagi Melengkapkan Perhubungan WP Labuan di Peringkat Wilayah dan Antarabangsa

Strategi PM2-S2

Perkhidmatan Pengangkutan Air Dipertingkatkan Sebagai Mod Pengangkutan Awam yang Menghubungkan Labuan Dengan Sabah, Sarawak Dan Brunei

Strategi PM2-S3

Keupayaan Lapangan Terbang Labuan Dipertingkatkan Sebagai Pengangkutan Utama Untuk Perhubungan Antarabangsa

Inisiatif Pelaksanaan

- ✓ Menyediakan Kajian Kebolehlaksanaan (*Feasibility Study*) yang terperinci bagi pembinaan Jambatan Labuan – Sabah.
- ✓ Menyediakan Laporan Penilaian Teknikal berkaitan Pembinaan Jambatan Labuan – Sabah.
- ✓ Menyediakan kajian terperinci cadangan Lebuhraya Rentas Pulau.
- ✓ Menaik taraf Jalan Menumbok – Beaufort.
- ✓ Pembangunan antara Lebuhraya Pan Borneo dan Kalimantan.

(PM2-S1)

- ✓ Sistem prasarana di Terminal Feri Antarabangsa dipertingkat dan dinaik taraf
- ✓ Cadangan terminal feri RO-RO baru di Tanjung Taras
- ✓ Teksi air (aktiviti pelancongan)

(PM2-S2)

- ✓ Penambahan destinasi penerbangan domestik.
- ✓ Penambahan destinasi penerbangan antarabangsa.
- ✓ Menyediakan kajian kebolehlaksanaan bagi cadangan pemanjangan landasan lapangan terbang WP Labuan kepada 3,800 meter.
- ✓ Membangunkan fasiliti kargo yang baru secara berperingkat
- ✓ Polisi open sky sebagai inisiatif untuk mengembangkan rangkaian perhubungan udara melalui kerjasama dengan syarikat-syarikat penerbangan negara dan asing.
- ✓ Penerbangan kargo terus ke negara pengimport.
- ✓ Integrasikan pengangkutan kargo udara dengan pengangkutan kargo darat dan air.

(PM2-S3)

Feri RO-RO di Terminal Feri RO-RO Pusat Bandar Labuan




Lapangan Terbang Labuan



TONGGAK PEMBANGUNAN 4 PRASARANA MAKMUR

Cadangan Jambatan Labuan – Sabah dan Rangkaian Perhubungan di Peringkat Wilayah



TONGGAK PEMBANGUNAN 4 PRASARANA MAKMUR

RSWL PM2 | 6 Strategi
26 Inisiatif Pelaksanaan

PENGUKUHAN DAN INTEGRASI RANGKAIAN PERHUBUNGAN DARAT, UDARA DAN AIR

Strategi
PM2-S4

Jaringan Jalan Raya Diperkukuhkan Melalui Hierarki Jalan Yang Jelas Bagi Meningkatkan Kemudahsampaian dan Mobiliti

Strategi
PM2-S5

Kecekapan Pengurusan Laju Lintas Dipertingkatkan Melalui Aplikasi Teknologi Pintar

Strategi
PM2-S6

Penggunaan Pengangkutan Hijau Digalakkan Bagi Mewujudkan Persekitaran WP Labuan Yang Bersih dan Hijau

Inisiatif Pelaksanaan

- ✓ Menyusun semula hierarki jalan (lebuhraya, jalan pengagih utama, jalan pengagih sekunder dan jalan pengagih tempatan).
- ✓ Cadangan jalan baru dan menaik taraf jalan bagi menampung keperluan lalu lintas semasa dan masa hadapan.

(PM2-S2)

- ✓ Sistem pengurusan trafik pintar
- ✓ *Smart parking*
- ✓ Penggunaan *Intelligent Transportation System* (ITS)
- ✓ Membina tempat letak kereta bertingkat
- ✓ Pelan pengurusan *Special Event Traffic*

(PM2-S5)

- ✓ Insentif (kenderaan rendah karbon) kepada pengendali pengangkutan awam dan kenderaan persendirian
- ✓ Penyediaan kemudahan stesen pengecas kereta elektrik
- ✓ Laluan basikal dan pejalan kaki yang selamat dan komprehensif
- ✓ Menganjurkan Kempen Hari Bebas Kenderaan di Pusat Bandar Labuan.

(PM2-S6)



RSWL | 1 Strategi
PM3 | 5 Inisiatif Pelaksanaan

PENYEDIAAN SISTEM PENGANGKUTAN AWAM BERSEPADU DAN EFISIEN

Strategi
PM3-S1

Sistem Pengangkutan Awam Semasa
Dipertingkatkan Ke Arah
Perkhidmatan Yang Lebih Cepak dan
Berkesan


TONGGAK PEMBANGUNAN 4 PRASARANA MAKMUR

Inisiatif Pelaksanaan


- ✓ Menyediakan perkhidmatan bas mini percuma berteknologi hijau (Green Bus) dengan kekerapan perjalanan yang tetap.
- ✓ Menyediakan Stesen Kecil Pengangkutan Awam di Lapangan Terbang Labuan, Ganggarak, Simpang Tamu, Layang-Layangan dan Bebuloh yang dilengkapi dengan infrastruktur hijau dan inklusif.
- ✓ Meningkatkan kemudahan first-mile & last-mile penumpang.
- ✓ Memperluaskan rangkaian laluan dan kekerapan bas henti-henti sedia ada.
- ✓ Platform aplikasi digital (*trip planners apps*, pembayaran tanpa tunai, pembelian tiket bersepadu & *real time tracking*).

(PM3-S1)

Ilustrasi Bas Elektrik



Contoh Konsep Smart Bus Stop di Selangor





TONGGAK PEMBANGUNAN 5 PEMANTAPAN TADBIR URUS

RSWL | 2 Strategi
PU1 | 12 Inisiatif Pelaksanaan

PEMERKASAAN TADBIR URUS DAN DAYA LAKSANA PERKHIDMATAN

**Strategi
PU1-S1**

Keupayaan Organisasi dan
Perkhidmatan Diperlingkatkan
bagi Memacu Pembangunan WP
Labuan

**Strategi
PU1-S2**

Penglibatan Dan Penyertaan
Pihak Berkepentingan
Diperkasakan Dalam
Perancangan, Membuat
Keputusan Dan Pengurusan
Bandar

RSWL | 2 Strategi
PU2 | 7 Inisiatif Pelaksanaan

PENGUKUHAN KEWANGAN YANG BERDAYA TAHAN

**Strategi
PU2-S1**

Kewangan Perbadanan Labuan
Diperkukuhkan melalui
Pengurusan Kewangan Yang
Strategik dan Optimum

**Strategi
PU2-S2**

Sumber Kewangan Perbadanan
Labuan Dipelbagaikan

Inisiatif Pelaksanaan

- ✓ Mewujudkan pembangunan khusus.
- ✓ Memperkukuhkan fungsi dan peranan PL sebagai PBPT serta fungsi KWP sebagai PBN WP Labuan.
- ✓ Mewujudkan Lembaga Rayuan
- ✓ Menambah tenaga kerja yang profesional, berkemahiran berdasarkan keperluan dan kesesuaian skop perkhidmatan.
- ✓ Meningkatkan kemahiran dan integriti tenaga kerja melalui program-program latihan kepimpinan, pengurusan dan kemahiran teknikal.
- ✓ Memperkasakan struktur organisasi dan kewangan agensi pelaksana.
- ✓ Mewujudkan Unit Pengurusan Warisan.
- ✓ Mewujudkan pusat setempat.

(PU1-S1)

- ✓ Melibatkan orang awam dalam merancang pembangunan WP Labuan
- ✓ Meningkatkan kolaborasi dan perkongsian pintar
- ✓ Memperkasakan program hebahkan
- ✓ Menyediakan platform maklum balas bagi orang awam

(PU1-S2)

- ✓ Meningkatkan hasil kutipan cukai, kaedah kutipan dan mengurangkan tunggakan hasil cukai.
- ✓ Menetapkan kadar percukaian dan nilai sewaan baru.
- ✓ Memastikan semua aset/anak syarikat milik Perbadanan Labuan diurus secara lebih ekonomik.

(PU2-S1)

- ✓ Mengenal pasti sumber hasil baharu WP Labuan
- ✓ Menggalakkan Perbadanan Labuan untuk memiliki aset perniagaan, perumahan serta perindustrian dan memberi kemudahan sewaan sebagai hasil bukan cukai.
- ✓ Meningkatkan stok simpanan tanah milik PL.
- ✓ Melaksanakan caj pemajuan.

(PU2-S2)

TONGGAK PEMBANGUNAN 5 PEMANTAPAN TADBIR URUS

RSWL | 1 Strategi
PU3 | 8 Inisiatif Pelaksanaan

PEMANTAPAN TADBIR URUS BERASASKAN TEKNOLOGI PINTAR

Strategi
PU3-S1

Penyampaian Perkhidmatan Labuan Diperkasakan melalui Analitik Data Raya (Big Data Analytics) dan Keputusan Berdasarkan Data (Data Driven Decision Making)

RSWL | 2 Strategi
PU4 | 5 Inisiatif Pelaksanaan

PELAKSANAAN RS LABUAN 2040 YANG KOMPREHENSIF

Strategi
PU4-S1

RS Labuan 2040 Sebagai Dokumen Rujukan Utama Dalam Perancangan dan Pembangunan di WP Labuan

Strategi
PU4-S2

Mekanisme Pelaksanaan, Pemakaian dan Pemantauan RS Labuan 2040 Yang Berkesan

Inisiatif Pelaksanaan

- ✓ Mewujudkan Unit Smart City Project Management Office (SCPMO)
- ✓ Mentransformasikan semua perkhidmatan Labuan dan agensi ke arah pendigitalan sepenuhnya.
- ✓ Memastikan semua pembangunan platform perkhidmatan digital sedia ada boleh integrasikan bagi perkongsian data.
- ✓ Melaksanakan Identiti Digital Nasional (NDI) Labuan bagi menyokong penggunaan perkhidmatan digital kerajaan.
- ✓ Melabur dalam pembangunan infrastruktur digital dan keselamatan siber.
- ✓ Membangunkan LUO sebagai platform Data Raya Bandar Pintar (*data driven decision making*).
- ✓ Kerjasama dan kolaborasi pintar antara agensi, pihak berkepentingan dan pihak industri.
- ✓ Meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan penggunaan teknologi digital agensi.

(PU3-S1)

- ✓ Menjadikan RS Labuan 2040 perlu diterima pakai oleh semua agensi di WP Labuan sebagai asas perancangan.
- ✓ Menjadikan RS Labuan 2040 sebagai rujukan tarikan pelaburan dalam memacu pembangunan WP Labuan.
- ✓ Memastikan RS Labuan 2040 dijadikan asas rujukan dalam membuat keputusan berkaitan pembangunan.

(PU4-S1)

- ✓ Menubuhkan Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan (JKPP)
- ✓ Memantau pelaksanaan dasar, strategi dan inisiatif pelaksanaan berdasarkan indikator serta pencapaian sasaran RS Labuan 2040.

(PU4-S2)



Projek Pemacu Perubahan




Program Kelangsungan Bekalan Air

Anggaran Kos RM766 Juta



Menaik Taraf dan Menyelenggara Sistem Agihan Bekalan Elektrik WP Labuan

Anggaran kos tertakluk kepada kajian lanjutan




Projek Meningkatkan Kelajuan & Liputan Telekomunikasi

Anggaran Kos RM40 Juta



Penaiktarafan infrastruktur pelancongan

Anggaran kos tertakluk kepada kajian lanjutan



Rumusan

RANCANGAN STRUKTUR LABUAN 2040

mengandungi **22 Dasar** dan diperincikan oleh **56 Strategi** dan **239 Inisiatif Pelaksanaan**.

Pelaksanaan dasar, strategi dan inisiatif pelaksanaan di dalam RS Labuan 2040 ini berupaya **memperkasakan pertumbuhan ekonomi WP Labuan, memastikan kemampuhan guna tanah, menawarkan kemudahan masyarakat yang berkualiti dan pelbagai, menaik taraf kemudahan infrastruktur dan utiliti serta memantapkan tadbir urus.**

9 Projek Pemacu Perubahan yang dikenal pasti merangkumi **4 Projek Quick Win** dan **5 Projek Berimpak Tinggi**. Ia merupakan projek (inisiatif) yang berpotensi, strategik dan memberi impak besar serta kesan pengganda (*multiplier effect*) dalam konteks pembangunan WP Labuan pada masa hadapan

WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN



SEMANJUNG
MALAYSIA

SABAH
SARAWAK

Imej drone (O ktober 2021)
Kawasan Perindustrian Rantau-Rantau



Imej drone (O ktober 2020)
Kawasan Persisiran Pantai Sekitar Kampung Sungai Mui





JABATAN PERORANGA MENTERI
JALAN WILAYAH PERSEKUTUAN



KEMENTERIAN PERUBAHAN DAN
KEKUALATAN TUMBUHAN

PLANMalaysia
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning: Beyond Conventional